

Jalan raya, rumah rosak teruk ekoran paras air laut naik di Dungun, Bachok

# Bencana air pasang besar

Oleh MUSTAPA LAKAWA dan TOREK SULONG  
berita@kosmo.com.my

**DUNGUN** – Ribuan penduduk pesisir pantai di daerah ini serta sepanjang pantai Bachok, Kelantan panik apabila kawasan tempat tinggal mereka dipukul ombak akibat fenomena air pasang besar sejak seminggu lalu.

Kesan daripada kejadian itu mengakibatkan jalan raya yang menghubungkan Pantai Teluk Lipat ke Universiti Teknologi Mara (UiTM) Kampus Dungun runtuh selepas dipukul ombak besar.

Fenomena luar biasa itu yang turut diibarat sebagai 'tsunami kecil' oleh penduduk tempatan dianggap sebagai kejadian paling buruk yang pernah berlaku di daerah tersebut.

Selain runtuh jalan raya, puluhan pokok ru di sepanjang pesisir pantai berkenaan turut menyembah bumi sehingga mengancam keselamatan penduduk setempat.

Tinjauan *Kosmo!* di kawasan kejadian semalam mendapati masih ramai pengguna jalan raya melalui kawasan runtuh sepanjang dua kilometer itu walaupun pihak berkuasa telah meletakkan papan tanda amaran.

Seorang peniaga kedai makan, Ahmad Fauzi Ismail, 50, mendakwa kejadian air pasang besar di pantai itu mula dikesan sejak minggu lalu sebelum bertukar menjadi lebih buruk kelmarin.

Katanya, situasi di kawasan itu juga dilihat tidak selamat apabila ramai menjangkakan ribut dan angin kencang serta air pasang akan berlaku dalam beberapa hari lagi.

"Selama saya tinggal di sini, inilah bencana paling buruk pernah berlaku sam-paikan hampir keseluruhan jalan pesisir pantai runtuh.

"Saya nampak sendiri batu-batu besar dihanyutkan ombak," katanya ketika ditemui di sini semalam.

Ahmad Fauzi berharap pihak berkuasa segera mencari penyelesaian berhubung kejadian ini terutamanya membaiki jalan yang rosak bagi kemudahan orang ramai.

Seorang lagi pekedai, Rosdi Busu, 42, bimbang melihatkan jarak antara kawasan pantai dan jalan raya seluas 50 meter semakin terhakis.

"Kami cukup bimbang jika ombak semakin besar sebab lebih banyak kawasan akan terjejas dan mungkin juga nanti ada yang cedera," ujarnya.

Di **Bachok** pula, penghuni lebih 20 buah rumah di enam kampung pesisir pantai di daerah ini digenangi limpahan air laut selama lapan jam bermula pada pukul 8 malam kelmarin berikutan fenomena air pasang besar dan tiupan angin kencang.

Kawasan yang terlibat ialah Kampung Pantai Damak, Kampung Perupok, Kampung Kubang Golok dan bandar lama Bachok berhampiran Pantai Irama.

Tinjauan *Kosmo!* mendapati penduduk mula menyelamatkan barangan penting dalam rumah masing-masing sebaik sahaja limpahan air masin mengalir masuk ke dalam rumah.

Pada masa yang sama, sebilangan besar penduduk bandar Bachok turut berkumpul berhampiran pusat peranginan Pantai Irama untuk melihat ombak besar dan limpahan air laut ke jalan utama.

Penduduk Kampung Kubang Golok, Rahim Ghazali, 46, berkata, ada warga emas di kawasan itu mendakwa kejadian kali ini lebih teruk berbanding kes pertama yang dikatakan berlaku pada tahun 1948.

"Angin kencang dan ombak besar bermula selepas waktu Maghrib malam tadi (kelmarin) dengan membawa limpahan air masin setinggi 0.4 meter," katanya ketika ditemui di rumahnya di Kampung Kubang Golok.



ORANG ramai melihat sebahagian daripada Jalan Teluk Lipat, Dungun yang terpaksa ditutup selepas runtuh dilanda air pasang besar semalam.

## INFO Air pasang besar

- Juga dikenali sebagai perbaini.
- Berlaku sewaktu kedudukan bumi selari dengan bulan dan matahari menyebabkan kesan tarikan graviti lebih kuat kepada air laut dan mengakibatkan gelombang ombak besar.
- Gelombang menyebabkan air laut pasang secara mendadak dan paras air laut meningkat.
- Pertukaran angin monsun yang membawa hujan lebat dan angin kencang menjadikan fenomena ini bertambah buruk.
- Menyebabkan paras air laut meningkat melebihi 10 hingga 20 peratus daripada paras normal.
- Sering melanda kawasan pesisiran pantai.
- Negeri-negeri di Pantai Timur Semenanjung dan Sarawak lebih terdedah kepada fenomena ini kerana faktor tiupan angin Monsun Timur Laut.

**Sumber:** Jabatan Pengairan dan Saliran



AHMAD FAUZI



PENDUDUK Kampung Kubang Golok, Bachok memindahkan peralatan rumah yang digenangi air masin semalam.